

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Ahli-Ahli Yang Berhormat pada sebelah pagi tadi di Peringkat Jawatankuasa kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Perkara VI iaitu Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang telah dicadangkan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita berbincang dan meneliti tajuk-tajuk Rang Belanjawan seterusnya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi membolehkan kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 satu per satu yang mana telah dicadangkan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Pada sebelah pagi tadi, di Peringkat Jawatankuasa ini juga kita telah mula membahaskan dan meneliti Tajuk

Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri berkenaan telah membentangkan mukadimahnyanya tentang rancangan dan hala tuju bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bersama saya masih ada senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan tajuk kementerian ini.

Untuk tidak membuang masa lagi saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
terus sahaja dalam perbincangan pada petang ini. Saya ingin menyebut mengenai 2 perkara iaitu:

1. Pembangunan Belia dan Sukan dalam Dasar Belia Negara dan Strategi disebutkan pemimpin belia tidak melebihi umur 45 tahun dan mentor juga disebutkan tidak ada had umur dan saya memberi sokongan sepenuhnya untuk pelaksanaan Dasar Belia Negara dan Strategi ini. Berapa tahun sebelum ada usaha yang dipanggil *Professionalization of Youth Work* di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama beberapa agensi seperti *Commonwealth* dan Universiti Brunei Darussalam, saya sendiri pernah mengikutinya dan menjadi seorang graduan menerima *Diploma in Youth Development Work*.

Sudah tiba masanya kita menghidupkan semula perkara ini kerana infrastruktur sudah mencukupi dengan adanya *life long learning centres* dan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini sudah banyak pilihan. Ini boleh menjadi sebahagian daripada *upskill* dan membangunkan kapasiti belia kitani termasuk pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan belia, ahli-ahli *NGO*, ahli takmir masjid serta pusat rehabilitasi dan mentor-mentor usahawan. Setentunya kelayakan ini memastikan pemimpin belia berkaliber dan benar-benar berkemahiran dalam kerja pembangunan belia.

2. Saya ingin sentuh ialah latihan dan penjagaan warga emas. Saya menyambut baik Program Memeduli Warga Emas (PMWE) yang dikongsi tadi dan saya percaya pengukuhan institusi kekeluargaan kitani akan terus dapat memastikan golongan muda menjaga mereka yang sudah berumur.

Namun begitu, tidak semua warga emas mempunyai keluarga terdekat untuk menjaga mereka. Bagi keluarga-keluarga yang lanjut usia, asas penjagaan adalah dengan belajar sendiri ataupun sesudah mereka sakit barulah diajar di Pusat-Pusat Kesihatan kitani. Ada juga terdapat kes ibu bapa yang berusia ini dihantar ke hospital sahaja kerana ahli keluarga tidak tahu bagaimana menguruskannya. Mungkin sudah tiba masanya kitani memikirkan penjagaan serta latihan penjagaan warga emas

yang dapat ditawarkan oleh pakar seperti *Caretaker for the Elderly Services*. Cadangan-cadangan pemikiran yang dapat saya kongsi ada 3 iaitu:

- i. Pusat penjagaan setiap kawasan perumahan atau kawasan kampung itu sebuah *step down lable medical unit even* seperti *a control hospital level base home*. Warga emas ini dapat dibantu oleh *caretakers* terlatih dan juga mengurangkan isu kesihatan mental seperti menghadapi kemurungan, *loneliness* dan lain-lain dengan berjumpa rakan-rakan di sana. Mungkin fungsi Pusat Kegiatan Warga Emas dapat dilaikan dan dinaik taraf untuk memberi perkhidmatan sebegini.;
- ii. Mengadakan program *upskilling* yang dibuat bagi memudahkan orang ramai untuk mendapatkan sijil *caretaking*. Melalui program ini orang ramai ahli keluarga atau penjaga akan dapat pengiktirafan sebagai penjaga yang terlatih dalam menangani situasi yang timbul berkaitan warga emas. Mungkin perkara ini dapat dilaikan kepada sukarelawan kitani seperti PKBN, Belia Masjid, MPK malah sukarelawan belia untuk membantu sebagai *caretaker*, dan
- iii. Mengadakan Skim Simpanan dari umur muda untuk persiapan penjagaan kitani pada hari tua. Ini dimaklumi bahawa penjagaan

warga emas kadang-kadang memerlukan kepakaran, jururawat peribadi yang perlu dibayar dan barangkali ini dapat mempersiapkan lagi kitani pada hari tua nanti.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas beberapa soalan termasuk mengenai *Professionalization of Youth Work* dan perkara yang bersangkutan paut dengan warga emas dari aspek penjagaan, *upskilling* dan skim simpanan.

Lebih dahulu kita ingin merakamkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat atas sumbangan yang berterusan ke arah pembangunan dan pembangunan belia dan الْحَمْدُ لِلّٰهِ Program *BYLC* sedang dilaksanakan di Daerah Temburong dan terima kasih atas *the support which has always been given* to KKBS dalam meningkatkan lagi perkembangan belia.

Dalam menjawab persoalan yang pertama, kaola berpandangan pemerksaan belia dengan memantapkan penggunaan kapasiti belia dan mempertingkatkan tahap profesionalisme dalam Pembangunan Belia dan *social* amatlah penting. Ini adalah selaras dengan salah satu *deliverable* di bawah inisiatif dasar empat pemerksaan belia yang digariskan dalam pelan tindakan Dasar Belia Negara

dan Strategi 2020-2024. Ke arah tersebut, kita menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat yang memerlukan juga sedikit penelitian lanjut berasaskan kepada amalan terbaik dari aspek struktur, proses dan *outcomes* yang dihasratkan.

Tapi, kita menyambut baik hasrat tersebut sama ada ia untuk *direvitalisekan* dan kita mesti melihat juga bahawa PKBN mungkin juga. Hasrat kita untuk menubuhkan ia sebagai akademik belia. Cadangan tersebut kita sambut baik dan kita akan melihatnya secara *cross-cutting*.

Bagi cadangan dan persoalan yang kedua, berkenaan dengan warga emas. Tadi kita melihat kepada Pusat Warga Emas. *I think*, kita melihat bahawa fungsi Pusat Warga Emas, apa yang paling penting ialah kita melihat warga emas ini sebagai *Community Support Centre*. Itu, barangkali dalam 'mengelinga' warga emas. Cadangan daripada Yang Berhormat untuk 'mengelinga' warga emas bersangkutan paut juga dengan peranan PKWE sebagai *Community Support Centre*, khususnya dalam menyokong aktiviti-aktiviti termasuklah menyokong aktiviti yang berunsurkan kepada *active ageing* yang meliputi kesihatan mental.

Jadi, cadangan bagi Pusat Penjagaan Warga Emas ini untuk diperbesarkan fungsinya, perlulah dilihat barangkali kerana kita melihat bahawa kegiatan-kegiatan ini pun semakin membesar dan jumlah sokongan daripada warga emas ini pun meningkat dari semasa ke

semasa. Kita mengakui dan merakamkan penghargaan kepada PKWE yang melaksanakan peranan yang amat penting dalam menentukan kesejahteraan warga emas dijaga. Mereka dapat menghadapi kehidupan seharian dengan lebih positif dan lebih ceria dan inilah yang kita mahu daripada warga emas.

إِنْ شَاءَ اللهُ , fungsi Pusat Penjagaan Warga Emas ini hendaklah dilihat secara berpanjangan. Dari aspek *a control hospital level rest home*, bagi pandangan kaola, cadangan ini hendaklah memerlukan peneilitan lanjut juga bersama pihak yang berkepentingan, *I think this is also cross-cutting*, khususnya dari Kementerian Kesihatan.

Dalam masa yang sama juga, kita hendaklah mengimbangnya juga. Saya tahu, sepertimana Yang Berhormat katakan, kepada keluarga-keluarga *during the day*, mereka sibuk dan sebagainya. Tetapi, memang juga kita imbangi penjagaan warga emas ini juga satu tanggungjawab utama. Institusi keluarga yang sememangnya di bawah budaya kitani bahawa *it is always the family to look after the elderly*. Tapi, kita dalam masa-masa yang tertentu ini, mungkin juga adanya keperluan seperti Pusat Warga Emas *to look after*. *It's not about a care centre, its about more* juga satu tempat mereka ini dapat bertemu dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat membuang kebosanan dan berinterkasi.

Mengenai cadangan skim simpanan untuk persiapan penjagaan pada hari

tua. Kementerian ini menyambut baik dan ia hendaklah atau boleh dipertimbangkan dan dibawa berunding bersama Majlis Kebangsaan Celik Kewangan. Kita hendaklah menggalakkan peranan budaya menabung ini. Selain daripada itu, kita juga mempunyai Skim TAP dan Skim SCP dan *إِنْ شَاءَ اللهُ* Skim TAP dan Skim SCP dengan adanya nanti penelitian semula akan dapat juga menjamin mereka pada hari tua. *إِنْ شَاءَ اللهُ* .

Tadi, ada juga berkenan dengan *upskilling* bagi *caretakers*. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, bahawa pihak KKBS juga melihat perkataan *caretakers* satu perkara yang perlu dilihat secara menyeluruh dan keperluan bagi *caretakers* ini satu keperluan yang amat penting. Mengongsikan, kementerian telah pun membuat perbincangan bersama dengan beberapa pihak *NGOS* yang dapat melaksanakan latihan *care providers* atau latihan penjagaan.

إِنْ شَاءَ اللهُ , perkara ini akan diteliti untuk dilaksanakan bagi latihan penjagaan atau *caretakers* untuk penjaga dan *care providers* ini bersama pihak *NGOS*. Dalam masa yang sama juga tadi, diketengahkan berkenaan dengan PKBN. Di sinilah letaknya *syllabus* atau tatacara apa yang dimasukkan dalam latihan PKBN ini, juga mempunyai unsur-unsur kasih dan sayang, penjagaan kepada orang tua dan sebagainya agar perkara ini sentiasa ditanam. *I think this is more solve skill side* dalam pelaksanaan program PKBN. *I think, i hope that I have answered everything.*

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya teringat akan pengalaman sebuah negara jiran kita yang telah terbukti bahawa orang muda yang tidak dapat lagi memelihara ibu bapa mereka yang sudah tua dan meninggalkan ibu bapa mereka sama ada di jalan atau meninggalkan di rumah orang-orang tua yang menjadi beban kepada kerajaan.

Barangkali, harus dilihat yang soal ini adalah soal keluarga dan soal masyarakat yang harus dipikul oleh masyarakat sendiri. Kerajaan tidak boleh saya kira memikul tanggungjawab yang bukan kepunyaan kerajaan. Sama ada juga anak-anak sekolah, ditentukan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak ada bersama kita tetapi orang ramai harus faham bahawa soal pendidikan tidak dapat ditinggalkan sepenuhnya kepada kerajaan.

Ibu bapa harus mengambil alih, mengambil tugas mereka yang sememangnya ada. Harus kita juga melihat yang mana warga emas ini dalam kehairahan kita untuk menolong 'bisdia', kita tidak mahu 'bisdia' ditinggalkan di hospital misalnya. Dibiarkan tinggal di hospital dan tidak dilawat lagi. Hospital itulah yang menjaga mereka. Minta maaf, 'ancingnya' segala apa itu, semua akan ditinggalkan kepada hospital. Tentulah *unfair*. Ia ibu bapa kita dan harus menjaga ibu bapa kita itu dan memang kita diajar dituntut memelihara ibu bapa sendiri.

Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menambah sedikit mengenai perkara menjaga ibu bapa ini. Kita memang sudah diberi makluman atau ada hadis atau pengajaran agama kitani "Aljannatu Tahtaaqdamil Umahaat" yang ertinya sesungguhnya syurga itu adalah di bawah telapak kaki ibu.

Ini sudah cukup memberikan gambaran kepada kita bahawasanya tanggungjawab kita terhadap ibu bapa kita adalah paling penting sekali. Jangan kita serahkan kepada orang dan jangan kita berikan kepada orang kerana apa yang kita buat itu adalah syurga. Beruntunglah orang-orang atau siapa yang mempunyai masa ini ada ibu bapanya kerana ia berkhidmat kepada orang yang akan membawa ke syurga. Inilah hal yang perlu dipentingkan.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk memelihara pakwe-pakwe dan makwe-makwe satu langkah yang baik yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi jangan kitani lupa bahawasanya indung bapa kitani itu tanggungjawab kitani sama-sama. Jangan dibiarkan kepada orang lain, jangan dibahagi-bahagikan kerana bererti kitani membahagikan hak kitani untuk menuju ke syurga.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Tahniah yang setinggi-tingginya Yang Berhormat atas kepimpinan Yang Berhormat menerajui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Didoakan semoga berjaya seluruh warga kementerian dan akan sentiasa dalam rahmat Allah jua.

Kaola membawakan di bawah Tajuk SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kaola suka mencadangkan:

1. Pelan tindakan jangka panjang dalam perancangan kemajuan belia negara bagi mewujudkan Pusat Industri Belia atau pendekatan *Whole of Nation approach* sama ada kerjasama *Government Link Company* atau apa jua pendekatan yang *viable* yang tidak membebankan kerajaan tetapi mendatangkan hasil terbaik dalam penciptaan belia negara berpendapatan tinggi ke arah Wawasan Brunei 2035, *Brunei Smart Nation*. Pemuda dan pemudi aset bangsa yang harus dijaga dan dikembangkan potensinya;
2. Penubuhan Koperasi Belia Kebangsaan sebagai Koperasi

Wawasan 2035 yang mungkin boleh dinamakan Koperasi Belia Darussalam. Jika ia diterima dan mampu dimulakan mulai tahun 2023. Jika keahlian belia pada tahun pertama mencapai seramai 5,000 orang ahli, dijangkakan setiap tahun minat belia untuk menyertai koperasi maka dalam jangka 12 tahun menjelang tahun 2035 keahlian akan mencapai seramai 60,000 orang belia dan dalam tempoh jangka panjang, rakyat Brunei menjadi ahli koperasi yang bermula daripada umur belia.

Bermacam perniagaan boleh dibuat jika keahlian *Whole of Nation approach* dalam jangka 50 ke 100 tahun. Contoh perniagaan yang patut dibuat awal ialah kedai runcit rakyat senegara. Perkara ini boleh direalisasikan dengan kerjasama *whole of nation approach* dan inisiatif bagi memulakan langkah menubuhkan Koperasi Belia Kebangsaan. Ini mampu dibuat dalam pengukuhan kerjasama belia kebangsaan.

Seterusnya, di bawah Tajuk SL02A – Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaola suka untuk membawa sepertimana yang diketahui, rancangan ini sudah lama tetapi kaola suka untuk mencadangkan semula supaya negara mempunyai sebuah Perpustakaan Negara. Ia menjurus ke arah aliran maklumat yang teratur di samping mewujudkan rangkaian kerjasama dalam proses pengkatalogan dan pengelasan bahan rujukan negara secara bersepadu.

Perpustakaan Negara menyebarkan informasi juga dikenali sebagai sumber rujukan negara yang melambangkan fungsi Perpustakaan Negara atau rujukan kebangsaan. Penyediaan perpustakaan bersifat *Government Link Company* sesuatu yang patut diusahakan dengan penyediaan dewan bersifat komersial, penempatan restoran, kafe dan lain-lain yang diperlukan di perpustakaan pada masa kini.

Seterusnya di bawah Tajuk SL05A – Pusat Sejarah Brunei. Dicadangkan pemberian insentif kepada penyelidik dan pengkaji sejarah bagi memperkasakan penulisan sejarah kita kepada semua peringkat masyarakat seperti membuat kajian sejarah perekonomian, sosial, sistem perhubungan dan lain-lain yang bertunjangkan Melayu Islam Beraja (MIB). Perlu ada strategi bagi melahirkan golongan sejarawan untuk menjadi tulang belakang mempertahankan dan membuktikan tamadun bangsa.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Saya rasa kesemua ini cadangan dan ada satu persoalan sebagai langkah ke hadapan. Cadangan ini terbahagi kepada tiga:

1. Penubuhan Koperasi Belia Kebangsaan;
2. Perpustakaan Negara; dan
3. Insentif bagi para penyelidik dari Pusat Sejarah Brunei.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , bagi menjawab kita menyambut baik kesemua cadangan yang telah pun diusulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, cadangan penubuhan Koperasi Belia Kebangsaan, jika kita melihat bahawa KKBS mengambil maklum kepentingan keusahawanan dalam kalangan belia. Ekosistem ini menjurus kepada ekosistem belia sehingga masa depan yang menggariskan kepentingan bidang keusahawanan untuk dipertingkatkan dan diperkukuhkan dalam kalangan belia di negara ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, tadi diketengahkan mengenai kedai runcit dan saya terkenang kembali sepertimana yang telah pun diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tempoh hari, apa pun perniagaan ini kitani mulakan dari kecil dan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ ia akan membesar. Kitani telah pun membuka langkah dengan memberikan *micro grant*.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Ahli Yang Berhormat salah seorang yang sentiasa mendukung dan menyokong keusahawanan belia dan kitani telah pun dapat membina perusahaan tukang gunting rambut untuk bersaing dengan keusahawanan-keusahawanan yang dipelopori oleh orang luar.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, kitani telah pun memulakan dari yang kecil, kedai jahit, kedai gunting rambut dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ bermula dari 1 Jun, kita akan membuat satu langkah lagi iaitu untuk membuka satu kafe yang akan dijalankan oleh Persatuan *Smarter* yang akan memberikan pekerjaan kepada 12 orang belia autisme. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, ini akan dilaksanakan bertempat di Kolam Renang Anggerek Desa, Berakas.

Inilah usaha pihak KKBS dalam menentukan belia diberikan platform dan saya juga menyambut baik kenyataan Yang Berhormat tempoh hari bahawa belia hendaklah berfikir besar khususnya dalam perniagaan. Belia hendaklah sentiasa berani. Ke arah penubuhan Koperasi Belia Kebangsaan ini, abiskaola melihat ia satu pemikiran dan langkah ke hadapan yang sangat baik dan besar.

Walau bagaimanapun, sebelum mengambil langkah yang terus apa jua cadangan perusahaan perniagaan lebih-lebih lagi pada peringkat koperasi bagi memastikan ia berdaya maju, berdaya tahan dalam memberikan nilai tambah yang tinggi kepada pembangunan keusahawanan belia di negara ini.

Kaola juga ingin mengongsikan koperasi ini sudah ada wujud dalam kalangan belia di bawah Pusat Pembangunan Belia iaitu Koperasi Pusat Pembangunan Belia yang telah ditubuhkan pada tahun 2005 dan jumlah yang ikut serta dalam koperasi ini dalam lingkungan 200 ke 300 orang ahli, yang bertujuan menyemai minat dan sifat berani untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, langkah ke hadapan untuk menubuhkan koperasi belia ini dilihat sebagai positif. *Whether the timeline is 2023*, ia satu cabaran yang besar, akan tetapi langkah tersebut hendaklah kita lihat ke hadapan dan tidak ada yang mustahil kerana belia kita belia yang berani إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, jika diberikan peluang dan platform saya yakin tetapi janganlah kita 'tarus-tarus' akan tetapi biarlah berperingkat-peringkat. Jadi kita sambut baik penubuhan Koperasi Belia Kebangsaan dan untuk ia direalisasikan.

Perkara kedua ialah berkenaan dengan Perpustakaan Negara. اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, sememangnya perkara ini telah pun dibawa ke Majlis Mesyuarat beberapa kali dan jika kita lihat kepada *Strategic Plan* KKBS memang terkandung bagi penubuhan Perpustakaan Negara, kalau dilihat barangkali 2024 dalam *Strategic Plan*. Kita mengakui sebelum kita bergerak untuk menjadi ataupun untuk menubuhkan Perpustakaan Negara ini ada perkara yang hendaklah diberikan tumpuan dan aspek-aspek yang penting bagi penubuhan Perpustakaan Negara. Antaranya ialah:

- i. Pengukuhan *repository* negara bagi menjadikan perpustakaan sebagai hab ilmu dan rujukan negara.;
- ii. Penyediaan tenaga mahir dan pakar bidang.;
- iii. Penjenamaan semula bagi menyerlahkan lagi fungsi dan perkhidmatan perpustakaan yang sedia ada di negara ini.

Ke arah tersebut kita hendaklah melihat dahulu langkah-langkah membuat persiapan kita terutama sekali pengukuhan *repository* dan perkara ini sedang ditangani dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** langkah ke hadapan kita kalau melihat KKBS *Strategic Plan* adalah pada 2024.

Langkah ke hadapan kita bagi penubuhan Perpustakaan Negara. Tetapi apa yang lebih penting pada masa ini, sebagai keutamaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka ialah penjenamaan semula Dewan Bahasa dan Pustaka. Inilah yang penting kerana kita melihat bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka ini menarik minat setelah ia ditukar keutamaannya tempat budaya membaca dengan kita mengubahnya sedikit Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai hab komuniti dan jumlah yang hadir ke Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2019/2020 adalah yang tertinggi iaitu 200,000 orang telah pun melawat ataupun menggunakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ada 9 buah Dewan Bahasa dan Pustaka di seluruh Brunei dan peningkatan daripada 80,000 kepada hampir 200,000 orang dalam masa tempoh 2018 kepada 2019 ke 2020. Jadi tempat Dewan Bahasa dan Pustaka memanglah mempunyai fungsi, ia masih relevan walaupun dengan teknologi dan peminjaman buku juga meningkat dan juga menjadi ahli telah pun meningkat.

Jadinya menunjukkan bahawa budaya membaca meningkat, kehadiran

meningkat dan relevansi Dewan Bahasa dan Pustaka memang ada.

Kita akan meneruskan penjenamaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan dihalatujukan kepada penubuhan Perpustakaan Negara.

Untuk dikongsikan jua pada masa ini kita pun juga membuat aktiviti-aktiviti secara menyeluruh dan kita menyambut baik bahawa MPK-MPK juga telah menggunakan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai *multi platform* seperti di Kampung Serasa, Jerudong dan kita mengalu-alukan bagi Dewan Bahasa dan Pustaka ini untuk digunakan bagi aktiviti-aktiviti yang lain khususnya dari aspek kemasyarakatan.

Dari aspek dan barangkali insentif, kaola ingin mengongsikan lazimnya insentif diberikan kepada penulis-penulis yang menghantar hasil karya ke Pusat Sejarah Brunei seperti berikut:

- i. Pembayaran royalti kepada penulis buku.;
- ii. Pembayaran honorarium kepada penulis jurnal dan Majalah Pusaka malah kos penerbitan dan promosi jualan juga ditanggung sepenuhnya oleh Pusat Sejarah Brunei.

Jadi, kaola berharap bahawa soalan-soalan itu telah pun dapat dijawab dan kita mengambil baik cadangan-cadangan yang telah pun diutarakan. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih. Kaola akan membawakan Penderaan Kanak-Kanak.

Bagi meningkatkan kesedaran terhadap keganasan rumah tangga termasuk penderaan kanak-kanak, kaola mencadangkan agar pihak yang berwajib dan juga persatuan-persatuan yang berkenaan akan dapat menggerakkan kempen secara komprehensif bagi memerangi isu ini. Insiden keganasan dan penderaan yang berlaku dalam rumah tangga perlu dilaporkan dan masyarakat setempat perlu sentiasa diberikan kesedaran dan dorongan untuk mendedahkan mengenai hal ini.

Bagi isu penderaan kanak-kanak. Golongan ini perlu diajar menjadi berani dan juga perlu dimaklumkan nombor yang boleh dihubungi sekiranya menjadi mangsa keganasan rumah tangga atau gangguan seksual. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan dan juga makluman yang dikongsikan yang menjurus kepada penderaan kanak-kanak.

Kaola ingin mengongsikan di dalam mukadimah bahawa talian '121' ataupun Talian Anak yang dislogankan: 'kami mendengar' adalah talian yang telah pun dibuat khusus agar golongan kanak-kanak ini dapat menghubungi dan 'kami mendengar'. Ertinya adanya talian untuk

mereka berkomunikasi dan sememangnya sepertimana dalam mukadimah kita juga merasa bimbang atas jumlah kalau dilihat penderaan kanak-kanak pada tahun 2020 yang dicatatkan adalah sebanyak 15 kes, ia satu jumlah yang tinggi, *it should be zero, it shouldn't happen* dan kita juga bimbang sepertimana juga talian '121' tadi ada 53 panggilan yang melibatkan kes seperti penderaan, pengabaian, hak penjagaan anak dan kecuai pusat penjagaan kanak-kanak.

Pihak KKBS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat akan mengambil tindakan dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita telah pun melancarkan rangka kerja perlindungan kanak-kanak ataupun *National Framework on Child Protection (NFCP)* pada 21 Disember 2020 dengan bermatlamat memberikan perlindungan dan kesejahteraan kepada kanak-kanak. Amat sedih sepertimana jua dalam akhbar *Borneo Bulletin* baru-baru ini ada 2 ibu bapa yang telah pun dimasukkan ke dalam penjara disebabkan oleh kes yang melibatkan kanak-kanak.

Jadi اِنْ شَاءَ اللّٰهُ dengan adanya *National Framework Child on Protection (NFCP)* ini akan kita mempunyai rangkaian untuk memastikan sistem perlindungan kanak-kanak ini akan kukuh dan kita mempunyai *assessment tools base on evidence* yang akan memberikan perlindungan seawalnya ertinya *early detections and interventions* dan apa yang penting *these are cross-cutting* yang melibatkan *inter-agency co-ordination* dan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ dengan adanya rangka kerja ini kita akan dapat memberikan satu sistem yang

lebih kukuh dengan *cross-cutting* dalam memberikan perlindungan kepada kanak-kanak.

Dikongsikan jua **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada awal bulan April ini kita akan sepertimana juga dalam mukadimah, kita akan melancarkan *Registry Of Child and Young Persons in Needs of Protections*. Ia satu *database RCYPNP* dan setakat ini, dalam *database* ini sudah masuk 90 kes kanak-kanak yang telah pun dimasukkan dalam daftar ini.

Jadi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan adanya *centralise database* ini, pengumpulan data ini akan dapat lagi melaksanakan penyelarasan antara agensi dalam membuat penyiasatan, rawatan pencegahan dan kes perlindungan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil serius perkara-perkara yang melibatkan kanak-kanak dan perlindungan kanak-kanak hendaklah diberikan satu keutamaan dan itu *should be zero and it shouldn't happen to any of the kids*. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan atas mukadimah yang disampaikan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan mengajukan di bawah Tajuk SL06A – Jabatan Pembangunan Masyarakat yang diperuntukkan \$24,867,400.00. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** tidak dapat dinafikan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memainkan fungsinya dengan baik. *Performance* yang ada ini perlu dipertahankan dan dalam masa yang sama kita mengharapkan perlunya pendekatan baharu supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat menjadi salah satu kementerian yang 'lakat' dihati masyarakat terutamanya dalam pemedulian hal-hal kebajikan.

Yang Berhormat, saya ingin bertanya apakah strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memastikan keadaan kehidupan rakyat di seluruh negara dapat dipantau atau diketahui sebelum kedaifan dan kemiskinan atau keupayaan hidup mereka yang terhad dijadikan ataupun *divirakan* kerana kejadian ini boleh menjejaskan imej pihak-pihak tertentu serta mengundang persepsi negatif oleh masyarakat. Yang Berhormat Pengerusi mohon pencerahan Yang Berhormat.

Sekian terima kasih.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas persoalan yang telah pun diutarakan mengenai pendekatan baharu dan juga strategi untuk memastikan kehidupan rakyat dapat dipantau.

Tapi, sebelum kaola menjawab soalan tersebut kaola ingin memberikan sedikit maklum balas dengan persoalan yang telah pun diajukan sebelum ini berkenaan dengan penderaan kanak-kanak dan juga kaola ingin mengongsikan statistik saja, barangkali dari Talian Anak '121' ada 53 kes yang telah pun dibawa, yang telah pun dilaporkan dan statistik menunjukkan bahawa daripada 53 kes, 24 kes telah selesai ditangani, 14 kes dalam proses penyiasatan, 10 kes masih dalam pemantauan dan 5 kes dalam perhatian. Ini hanya untuk mengongsikan sahaja perkara-perkara yang telah pun dilaksanakan.

Mengenai dengan persoalan daripada Yang Berhormat, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sepertimana jua *our core values is* kepada masyarakat. *Client* didahulukan itu *our core* iaitu menunjukkan bahawa masyarakat itu penting.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ pendekatan kepada masyarakat sentiasa dilaksanakan dalam program 'merakit' masyarakat dan berbilang-banyak terima kasih kepada *stakeholders* yang bersama dengan kementerian untuk berhadapan ataupun bersua dengan penduduk-penduduk kampung

melalui institusi mukim dan kampung di setiap daerah.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ pada tahun lepas sebanyak 35 buah kampung telah pun dilawati dan dijumpai agar perkataan 'lakat' di hati masyarakat itu akan timbul ertinya untuk mendengar dan melihat. Jadi, itulah pendekatan yang telah pun dilaksanakan dan dalam masa yang sama pendekatan telah pun dibuat. Kalau dilihat dari aspek pemedulian warga emas tadi, dikongsikan pada tahun 2020 kitani telah pun turun padang dan mendekati warga emas. Seramai 119 orang pada setiap bulan dan jumlah ini akan meningkat ertinya kitani telah pun memberikan pendekatan seperti penghantaran Pencen Umur Tua kepada warga yang berumur 100 tahun.

Untuk makluman, ada 9 orang warga kitani yang berumur 100 tahun ke atas dan yang paling tua berusia 104 tahun. Dalam masa yang sama, kitani telah pun mendekati 33 orang warga emas yang perlu pemedulian termasuk yang tinggal berseorangan untuk dibuatkan *appointment* doktornya, dibawa, dihantar, ditunggu dan dihantar balik. Dalam masa yang sama, kitani telah pun menghantar lampin dan susu kepada warga emas pendekatan kitani secara turun padang dan semasa pendekatan-pendekatan ini apa yang dibuat ialah untuk dilihat, 'dikelinga', didengar apa pun permasalahannya. Inilah pendekatan yang telah pun dibuat pada tahun 2020 untuk mendekati kehidupan masyarakat.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ Inilah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tetapi dikongsi peranannya untuk memastikan kehidupan rakyat ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja ia hendaklah dilaksanakan sebagai pendekatan *whole of nation approach*. Inilah institusi mukim dan kampung, institusi penghulu dan ketua kampung, institusi masyarakat, institusi jiran.

Pembentukan ini memang sudah ada kitani perkukuhkan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kitani akan dapat memantau agar kehidupan rakyat ini tidak kalau sekiranya susah, jangan lagi disusahkan, jika yang baik, jangan lagi kitani menukarkan menjadi yang tidak baik.

Dari aspek kes *viral* ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pendekatan sebelum kes *viral* ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pendekatan kepada masyarakat adalah satu perkara yang utama dalam *strategic plan* klien di dahulukan. Dari aspek kes *viral* ini, mengongsikan sahaja.

Pada tahun 2020, JAPEM telah mendapati 64 kes *viral*. Kes *viral* ini yang kitani lihat dari media sosial ataupun dikongsi ataupun menerima dari talian telefon Talian 141, Talian 121. JAPEM telah pun menerima 64 kes *viral* dan antara kes *viral* ini adalah 40 kes bantuan, 7 kes *homeless* atau gelandangan, 6 kes keluarga, 6 kes warga emas dan 5 kes kanak-kanak.

Apakah tindakan dari pihak JAPEM? Tindakan dari pihak JAPEM terus membuat penyiasatan kepada kes-kes *viral* ini. 57% daripada kes *viral* ini, telah

pun diambil tindakan oleh pihak JAPEM. Sudah, ada dalam *data base* dan telah pun menerima sama ada menerima bantuan kebajikan bulanan, MUIB, dicarikan pelan pekerjaan dan sebagainya. Jadi 26 kes ini, memang di bawah pemantauan berterusan JAPEM.

Ini hanya untuk mengongsikan dan sekiranya tidak ada dalam apakah yang akan dilaksanakan oleh pihak JAPEM terhadap kes *viral*? Setelah ia disiasat, kitani akan membuat pelbagai intervensi. Antara intervensi ini, yang paling penting, kalau sekiranya ia *homeless* ataupun gelandangan, dicarikan kenapa? Adakah keluarganya? Memang hasrat kitani menentukan bahawa keluarganya adalah utama.

Kalau sekiranya tidak ada program pekerjaan akan dilihatkan program pekerjaan, kalau ia layak untuk *SKN* untuk dimasukkan dalam bantuan kebajikan bulanan, kalau ia memerlukan kaunseling akan dilihatkan seliaan dan kaunselingnya dan kalau perlu untuk dimasukkan ke Kompleks Rumah Kebajikan, ia akan dilihat dan sebagainya.

Jadi, inilah tindakan-tindakan kepada kes *viral*. Dapatkah ia dihalang? Tidak dapat dihalang. Inilah akan kitani hadapi, media sosial adalah perkara yang akan sentiasa kitani hadapi dan kitani mitigasinya dengan secara baik, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ia mempunyai *double edge* kadang-kadang kes *viral* ini memberikan kitani langkah dan tindakan, takut ada yang ketirisan.

Itu hanya mengongsikan pandangan dan kitani amat mengharapkan institusi-institusi kerajaan, bukan kerajaan dan kitani berterima kasih kepada persatuan, belia, warga kampung dan institusi MPK dalam memberikan bantuan dalam kitani menangani perkara yang telah pun diketengahkan tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan memfokus di bawah Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di Dewan yang mulia dan dalam kesempatan yang amat keemasan ini kaola ingin membawa kenangan kitani ke tahun 2011 tarikh atau tanggal 17 September, di Sambutan Jubli Emas penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka di Dewan Persidangan Antarabangsa Berakas. Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa merasmikannya ada bertitah supaya

setiap bulan Julai setiap tahun dijadikan sebagai tarikh 'Bulan Bahasa'.

Seingat kaola Yang Berhormat Pengerusi, ada sudah juga sambutan 'Bulan Bahasa' ini tetapi kaola tidak ingat bila bermula mungkin sebelum kemerdekaan dan menurut cerita orang tua-tua, ia disambut secara besar-besaran dengan perarakan, ada juga di daerah-daerah sambutan yang tersebut itu.

Tetapi, beberapa tahun kebelakangan ini, kitani hanya menyambut dengan mengadakan beberapa acara. Kaola mengharapkan supaya 'Sambutan Bulan Bahasa' ini disemarakkan lagi, diperkasakan dan dijadikan bulan yang penuh dengan kegiatan, kebahasaan, kesusasteraan, kebudayaan dan kesenian tetapi tumpuannya adalah kepada perkembangan bahasa.

Soalan kaola yang kedua ialah tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan kerana telah mengumumkan satu gagasan yang sangat-sangat murni iaitu bagi menobatkan 'Wira Bahasa'. Tetapi kaola ingin pencerahan, bila dikatakan Wira Bahasa sama juga dengan Pejuang Memperkasa Bahasa.

Kaola mohon pencerahan, adakah ia bermaksud untuk mencari tokoh-tokoh perseorangan, kumpulan ataupun kluster yang sama-sama berjuang untuk memperkasa bahasa ini 'Wira Bahasa' maknanya pejuang bahawa kerana bagi kaola kalau untuk memilih orang perseorangan mungkin agak susah sedikit mungkin daripada karya-karyanya

ataupun apa saja perjuangannya bagi memartabatkan bahasa.

Bagaimana pula orang-orang yang selalu memedulikan bahasa dan memberikan buah fikiran mereka kepada kerajaan? Dahulu pernah kaola cadangkan mengenai bahasa ini supaya diadakan satu Jawatankuasa Bertindak Bahasa khususnya tulisan Jawi untuk memata-matai sekitar seluruh negara mengenai pengembangan bahasa, penggunaan bahasa yang salah dan sebagainya.

Demikian pandangan kaola Yang Berhormat Pengerusi.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Barangkali sebelum kaola memberikan pandangan, kaola ingin mengongsikan mengenai *viral* ini juga sebagai tambahan saja.

Barangkali untuk memberi percambahan sahaja apa yang penting *platforms* hendaklah *accessible* agar laporan-laporan ini dapat ditujukan dan mengongsikan, *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ*, Talian '141' dan Talian '121' adalah *platform* dan kita juga amat mengharapkan bahawa talian-talian ini dijadikan sebagai talian dalam memberikan laporan sebelum sesuatu ini menjadi *viral* juga *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Berkenaan dengan Bulan Bahasa untuk disemarakkan, diperkasakan dan penuh kegiatan dalam kitani menyambut 'Bulan Bahasa' ini. Kaola ingin mengimbas kembali semasa

keberangkatan lawatan tidak berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 30 November 2020, antara inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah:

"Maka dengan hubungan ini beta belum lagi melihat satu usaha besar ke arah itu, bahkan usaha yang dianggap rutin pun seperti Kempen Bulan Bahasa, kalau pun ada ia cuma seperti ala kadar sahaja"

Dengan mengambil dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pandangan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat tadi, dan kitani hendaklah menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa 'Kempen Bulan Bahasa' ini janganlah dilihat sebagai ala kadar sahaja, untuk disemarakkan, diperkasakan dan penuh kegiatan perkembangan bahasa. Abiskaola menyambut baik pandangan yang telah pun diutarakan dan *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* 'Bulan Bahasa' sepertimana yang kita maklum telah dikuatkan lagi dengan pengisytiharan bulan Julai sebagai 'Bulan Bahasa' sepertimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Jubli Emas ke-50 tahun.

Ke arah ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dan pada tahun ini 'Bulan Bahasa' dicadangkan untuk digemakan sebagaimana jua hari bertindak, Hari Belia Kebangsaan dan Hari Keluarga Kebangsaan dengan rancangan-rancangan yang strategik sebagai misalan, mengangkat Pesta Buku Brunei pada setiap bulan Julai, mengadakan dialog awam Brunei, pengurniaan Anugerah Sasterawan Brunei, penyegaran surat keliling, tentang penggunaan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi, Bengkel Bahasa Melayu peringkat eksekutif, Kempen Kesedaran Berbahasa Melayu di premis kerajaan dan swasta, Pantau dan Tegur Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi bersama *ABCi*.

Ini adalah cadangan-cadangan yang dilihat dalam kita menyemarakkan dalam kita memperkasakan kegiatan-kegiatan sempena 'Bulan Bahasa'. Apa yang penting, 'Bulan Bahasa' jangan dilihat pada satu hari sahaja, pembukaan dan pelancaran pada setiap bulan Julai, memartabatkan bahasa hendaklah dilaksanakan pada setiap kali, inilah yang penting dan dalam masa yang sama apa yang perlu dilaksanakan sekarang adalah bukan menilai jumlah kegiatan dan program tetapi lebih penting ialah impaknya dalam menerapkan kesedaran, nilai dan rasa tanggungjawab tentang keakuan serta pendidikan Bahasa Melayu yang perlu dimartabatkan untuk menjunjung peradaban dan ketamadunan negara bangsa. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* sepertimana jua hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi 'Bulan Bahasa'

ini, janganlah dilihat ia dibuat cuma ala kadar. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* barang ini akan kitani tanai dengan sebaik-baiknya.

Kedua mengenai pandangan dan persoalan mengenai dengan 'Wira Bahasa'. Kaola mohon Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawabnya dengan lebih teliti dalam peluang yang akan datang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kaola akan kembali semula untuk menjawabnya dengan lebih teliti mengenai pandangan dan cadangan tentang 'Wira Bahasa'.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* dan salam sejahtera. Kaola ingin menyentuh mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Sebenarnya kaola ingin menyentuh jua tetapi oleh sebab tadi telah dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dan penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebelah pagi tadi hanya kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih serta menyokong beberapa inisiatif dalam mengukuhkan Program Khidmat Bakti Negara pada masa akan datang. Seterusnya kaola menyentuh di bawah Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat, mengenai Pusat Kegiatan

Warga Emas. Seperti dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebelah pagi tadi juga cukup jelas, kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih.

Walau bagaimanapun, kaola mohon izin kepada Yang Berhormat Pengerusi bagi memohon pencerahan lanjut mengenai inisiatif-inisiatif lain yang diberikan kepada PKWE jika dibenarkan, kaola akan meneruskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengetahui mengenai dengan perancangan dan inisiatif-inisiatif dalam membentuk PKWE menjana perekonomian mereka pada misal memberikan sokongan latihan kemahiran dan kepakaran.

Menyediakan tempat beroperasi dan kemudahannya serta memasarkan produk-produk yang mereka hasilkan. Sebahagian besar PKWE ini terdiri daripada warga emas pelbagai peringkat kemahiran dan kepandaian iaitu sebagai usaha kita secara tidak langsung memberikan mata pencarian dan menambah pendapatan.

Sebagai usaha nilai tambah kaola sukacita juga mencadangkan supaya mewujudkan Tabung Dana Kebajikan Warga Emas sebagai wadah bagi orang ramai memberikan sokongan dan sumbangan dan dicadangkan juga pemberian penghargaan atau anugerah kepada PKWE dan kepada mereka yang aktif sebagai sokongan dan galakan pada Majlis Sambutan Hari Warga Emas Sedunia yang disambut setiap tahun.

Seikian Yang Berhormat Pengerusi, akhirnya mengucapkan terima kasih. *وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan dan juga beberapa cadangan. Lebih dahulu, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keaktifan Yang Berhormat dalam turut sama membina PKWE ataupun untuk menentukan ia dapat ditubuhkan di Daerah Temburong. *اللَّهُمَّ* kita telah pun mempunyai PKWE di keseluruhan daerah termasuk di Daerah Temburong.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat antara inisiatif ataupun *deliverables* bagi PKWE ialah untuk PKWE menjana dan mandiri dan kita hendaklah memberikan pemerksaan kepada warga emas dan salah satu inisiatif yang kita menyambut baik ialah aktiviti keusahawanan dalam kalangan warga emas dan juga sebagai institusi PKWE untuk melaksanakan perniagaan.

Dikongsikan bahawa KKBS sememangnya membantu perekonomian warga emas dan warga PKWE di seluruh negara telah pun diberikan *platform* untuk memasarkan produk-produk mereka bukan sahaja di bangunan-bangunan di bawah KKBS seperti di Muzium Teknologi Brunei dan Muzium Maritim Brunei malah juga di gedung-gedung perniagaan pada Tahun 2020 seperti *Hua Ho Manggis Mall* di Daerah Brunei dan Muara tanpa

adanya pembayaran, tapi yang penting ialah platform bagi penjualan produk-produk bagi warga emas. Perkara ini, **اللَّهُمَّ** telah pun diberikan kepada PKWE di dua daerah, dan saya faham bahawa di Daerah Temburong belum lagi diberikan platform tersebut. Selain itu, platform pintar secara atas talian seperti e-Kedai digunakan untuk memasarkan produk-produk warga emas.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita telah pun, sedang melaksanakan bersama dengan rakan strategik untuk meningkatkan pemasaran produk-produk PKWE melalui pembungkusan, *packaging* dan penjenamaan *branding* dan kitani mengikut sepertimana jua 1 Kampung 1 Produk. Inisiatif kitani merancang untuk melaratkan jua kepada produk-produk PKWE dan pada masa ini perbincangan telah dibuat bersama dengan rakan strategik khusus untuk meningkatkan pemasaran produk-produk PKWE.

Dikongsikan pada tahun lepas, hasil jualan dari kiosk-kiosk telah pun menghasilkan lebih kurang \$6,000.00 hasil penjualan daripada kiosk-kiosk yang telah saya nyatakan tadi. Inilah usaha KKBS untuk menentukan bahawa warga emas atau PKWE juga diberikan platform untuk memasarkan produk-produk buatan daripada setiap PKWE.

Dalam masa yang sama, peluang juga telah pun diberikan kepada PKWE seperti PKWE di Daerah Belait untuk menghasilkan jahitan-jahitan iaitu jahitan baju anak-anak sekolah untuk dipasarkan melalui Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Ini adalah projek

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah orang-orang yang susah, jadinya buatan baju anak-anak ini telah pun dihasilkan oleh PKWE dari Daerah Belait.

Kitani akan mempelbagaikan lagi dengan kecenderungan dan juga keupayaan PKWE-PKWE tersebut inilah usaha dalam pemerksaan dan memberikan peluang dan kitani melihat bahawa warga emas pun mahu ikut serta dan ini penting untuk kitani bagi memberikan galakan untuk warga-warga emas.

Harapan kitani adalah bagi pembentukan satu *enterprise* bukan sahaja kepada PKWE akan tetapi juga Pusat Bahagia OKU. Untuk makluman produk-produk OKU pun ikut sama dengan kiosk-kiosk Warga Emas jadi produk OKU dan produk warga emas kitani satukan. Mereka juga mempunyai platform.

Dari aspek latihan dan kepakaran untuk diberikan kepada warga emas **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan terus dipertingkatkan dengan ledakan teknologi dan semuanya ini e-Platform **اللَّهُمَّ** seperti mana yang disarankan pada mesyuarat yang lepas bahawa kita telah pun dengan usaha bersama dengan *AITI* bahawa latihan penggunaan *IT* telah pun dilaratkan kepada PKWE agar perdagangan ini dapat menggunakan e-platform. **اللَّهُمَّ** perkara ini telah pun dilaksanakan.

Akhir sekali, mengenai Tabung Dana Warga Emas. Kaola ingin memaklumkan bahawa Tabung Warga Emas memang sudah ada dan sumbangan dana itu kitani mengucapkan terima kasih kerana telah pun menerima sumbangan

daripada orang ramai. Apa yang penting sekarang ialah untuk memberigakan barangkali banyak yang tidak tahu, ia perlu pemberigaan, kerana Tabung Warga Emas ini memang ada dan antara penggunaan kewangan daripada Tabung Warga Emas adalah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti PKWE dan ini telah pun dilaksanakan. Dan akhir sekali pihak KKBS telah pun memberikan bantuan dalam memulakan perusahaan kepada setiap PKWE dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan adanya geran atau bantuan pihak PKWE akan dapat mandiri dalam masa yang terdekat. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** barangkali itu sahaja yang dapat dikongsikan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari:

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola merujuk di bawah Tajuk SL01A - Inisiatif membangunkan industri kreatif di Negara Brunei Darussalam. Kaola ingin ucapkan tahniah atas usaha dan komitmen dari pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang sering menyokong pembangunan industri kreatif di negara ini sama ada perfileman, tarian, reka bentuk grafik, teater dan sebagainya.

Malahan penglibatan industri kreatif telah banyak ditekankan melalui pelbagai platform termasuklah Hari Kebangsaan dan Hari Belia Kebangsaan. Pada tahun

2019 pernah dicadangkan penubuhan Majlis Industri Kreatif yang akan melihat potensi bagi menjana ekonomi dan juga memberi peluang pekerjaan untuk belia dalam bidang kreatif seperti seni dan media.

Ia dicadangkan untuk dibuat sebagai salah satu fokus *Digital Economy Masterplan* di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Memandangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan masih memainkan peranan yang sangat kuat dalam meningkatkan industri kreatif di negara ini, kaola ingin mencadangkan wakil-wakil dalam pelbagai bidang kreatif juga dimasukkan sebagai ahli jawatankuasa bagi memastikan saranan dan hala tuju majlis ini akan bersesuaian dan berpatutan keperluan semasa dan selaras, Melayu Islam Beraja.

Seterusnya kaola merujuk di bawah Tajuk SL06A- Gejala sosial dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam telah banyak sekali diperkatakan seperti penyalahgunaan dadah, jenayah curi dan rompak, pembuangan anak, keganasan rumah tangga dan sebagainya malahan dalam mukadimah jumlah laporan yang didapati melalui Talian Anak dan Kebajikan, selain daripada gejala sosial Yang Berhormat juga mengongsikan peranan JAPEM dalam melawat dan menjaga warga emas yang tinggal berseorangan.

Oleh yang demikian, keperluan bagi mempunyai pegawai ataupun Pekerja Sosial yang berkelayakan dan

berkompetensi berlandaskan amalan terbaik di peringkat antarabangsa amatlah perlu. Kaola mencadangkan jumlah pegawai dan Pekerja Sosial ditambah bagi menampung jumlah isu yang semakin meningkat dan mereka dan diberi latihan yang bersesuaian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima Yang Berhormat atas 2 soalan iaitu:

1. Industri kreatif.; dan
2. Cadangan penambahan *social worker*.

Sebelum menjawabnya, kita juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas sokongan yang begitu kuat di bawah Majlis Belia Brunei terhadap perkembangan para belia dan juga pekar-perkara yang berkaitan dengan kepentingan KKBS. Dalam menjawab industri kreatif kitani semua mengakui bahawa industri kreatif adalah industri yang mempunyai potensi tinggi terutama dalam era Revolusi Industri 4.0 dan kitani perlu meningkatkan usaha bagi mengembangkan khususnya dalam kalangan belia. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita dapat melihat bahawa industri ini memang berkembang dalam pelbagai bidang sama ada di bidang fesyen ke ekonomi digital.

Sepertimana yang diketengahkan oleh Yang Berhormat semasa Kongres Belia 2019, memang adanya cadangan bagi

penubuhan Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Kebangsaan. Kaola ingin mengongsikan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan setelah Kongres Belia.

Pada Oktober 2020, perbincangan Kumpulan Fokus yang dikendalikan oleh KKBS bersama dengan pemain industri dari segi disiplin, lakonan, kaligrafi, seni tari, pereka fesyen, seni film, penyanyi, pemuzik, penenun dan penulis kreatif telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 68 orang penggiat seni dari disiplin berkenaan yang telah menyuarakan mengenai keperluan meningkatkan dan mengembangkan industri kreatif negara.

Antara cabaran dan keperluan yang disuarakan adalah seperti infrastruktur, pendidikan, kelayakan, kebolehpasaran, perundangan dan dasar serta sokongan daripada masyarakat kerajaan dan bukan kerajaan. KKBS juga telah mengadakan beberapa perundingan bersama pihak-pihak kerajaan yang berkepentingan bagi membincangkan hala tuju industri kreatif khususnya dalam bidang penerbitan, pembangunan kapasiti dan hak cipta. Dalam masa yang sama, perundingan juga telah diadakan bersama dengan pihak Pejabat Peguam Negara, *AITI*, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pihak Hak Cipta Brunei untuk mendapatkan hala tuju membantu para *content* teater menjana hasil pendapatan melalui platform seperti *Youtube*, *Goggle* dan sebagainya.

Perbincangan juga diadakan bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan mengenai penubuhan

hab industri kebudayaan dan kreatif. Ke arah tersebut diakui Jawatankuasa Pandu Industri Kreatif sepertimana juga yang dicadangkan pada tahun 2019, masih belum ditubuhkan sehingga kini. Walau bagaimanapun, sepertimana yang digariskan di atas tadi, usaha yang giat telah dan akan terus dilaksanakan ke arah memajukan industri kreatif negara. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** penubuhan Jawatankuasa Pandu Industri Kreatif ini akan dipercepatkan dan sepertimana juga yang dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa *stakeholders* yang berkepentingan hendaklah turut sama dimasukkan ke dalam Jawatankuasa Pandu Industri Kreatif ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Jawatankuasa Pandu Industri Kreatif ini akan dipercepatkan dan dibincangkan bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Berkenaan dengan penambahan *social workers*. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** sukacita dikongsikan bahawa sebanyak 3 jawatan sosial atau pun Pegawai Kerja Sosial telah diluluskan dalam Tahun Kewangan 2020/2021 dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sebanyak 7 jawatan dalam Tahun Kewangan 2021/2022, ertinya penambahan lagi sebanyak 7 jawatan yang kesemuanya sebanyak 10 jawatan Pegawai Kerja Sosial dalam Bahagian II telah pun diluluskan. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini setentunya akan meningkatkan kualiti dan efisiensi pemberian perkhidmatan.

Dikongsikan bahawa tenaga kerja yang mengendalikan bidang sosial di Jabatan Pembangunan Masyarakat pada masa ini dalam Bahagian II dan III, ada 24 orang dan ada 38 orang kakitangan *Division IV*. Tugas-tugas mereka ini merangkumi

pengendalian isu wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang kelainan upaya dan orang berpenghidupan susah. Dianggarkan kes yang dikendalikan melebihi 5,000 kes setahun dan dikongsikan juga nisbah pengendalian kes-kes para wanita dan kanak-kanak ialah seorang pekerja sosial bagi 300 kes. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan adanya peningkatan 10 jawatan Pegawai Kerja Sosial akan meningkatkan lagi kualiti dan efisiensi pemberian perkhidmatan.

Dalam masa yang sama diperakui sebenarnya jawatan Pegawai Kerja Sosial ini dulu bukannya jawatan Pegawai Kerja Sosial ini, kakitangan ini memang tidak berlatar belakangkan kelulusan dalam bidang sosial. Walau bagaimanapun, mereka telah mengikuti latihan pembangunan kapasiti dan pendedahan melalui pelbagai platform mengenai kerja-kerja sosial di dalam dan luar negara. Antaranya bersama *Social Service Institute, Ministry of Social Development and Family Singapura, ASEAN Social Work Conception* dan *ASEAN Training Center for Social Work*. Bagi kakitangan *Division IV*, mereka ini merupakan kakitangan dukungan dalam bidang kerja sosial dan telah diberikan latihan secara berterusan di samping mempunyai pengalaman khusus melalui pendekatan dan penyediaan laporan sosial.

Ke arah pewujudan piawaian kompetensi kerja sosial kebangsaan, KKBS telah menyediakan Skim Perkhidmatan Pegawai Kerja Sosial di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat pada tahun

2020. Jadi terima kasih atas pandangan itu dan kita bersyukur bahawa adanya *the creation of 10* jawatan Pegawai Kerja Sosial dalam Bahagian II dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diisikan dengan sesegeranya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* kita telah membincangkan dan meneliti tajuk di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan secara panjang lebar dan terperinci, maka saya kira tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membuat pertanyaan atau membahaskan tajuk ini, maka saya kira sudah tiba masanya bagi tajuk ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju di bawah Tajuk - SL01A sehingga SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, semuanya bersetuju.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SL01A sehingga SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SP01A – Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan sekarang berpindah dan akan membincangkan Tajuk SP01A - Kemajuan. Walau bagaimanapun, sebelum saya membukakan tajuk ini untuk dibahaskan, saya telah difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, ingin untuk menyampaikan ucapan pendahuluan tentang belanjawan bagi Tajuk Kemajuan ini.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Tahun Kewangan 2021/2022 merupakan tahun keempat bagi Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas. Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam keahlian Jawatankuasa Tertinggi RKN atau JKTR dan Jawatankuasa Kerja RKN ataupun JKK telah dikemas kini, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjadi pengerusi kepada Jawatankuasa Tertinggi RKN. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ*, dengan berkat daulat kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerjasama padu secara *Whole Of Nation and Whole Of Government Approach*, projek-projek yang dilaksanakan di bawah RKN ke-11

akan menyumbang kepada kemajuan-kemajuan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola sukacita mengongsikan prestasi kemajuan projek-projek RKN ke-11 setakat 22 Mac 2021 yang telah siap dan sedang dilaksanakan selain projek-projek yang telah kaola kongsi semasa Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan, 2021/2022 seperti berikut.

Sebanyak 189 buah projek telah diluluskan di bawah RKN ke-11 yang juga termasuk 3 buah projek yang diluluskan dalam Tahun Kewangan 2020/2021 seperti berikut:

1. Projek Pembekalan Sistem Rangkaian Elektrik di Mukim Sukang, Daerah Belait.;
2. Projek *New War System to Closed - quarter Battle* ataupun *CQB Complex. Special Force Regiment Camp*, Penanjong Garisson.;
3. Satu projek di bawah *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* yang diselaraskan dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2021/2022 kepada satu *HRD fund* daripada 5 projek asal.

Dari 189 projek yang kaola nyatakan tadi sebanyak 20 projek telah siap dilaksanakan, termasuk 13 projek yang ditunda dari RKN-10. Projek-projek ini

dijangka akan menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk, meningkatkan aktiviti ekonomi negara dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, meningkatkan aksesibiliti, kemudahan-kemudahan asas dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti dari segi efisiensi dan keberhasilan negara. Antara lain projek tersebut termasuk:

1. Projek Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien yang telah digunakan sejak 17 Mac 2020.
2. Projek Pembangunan Teluk Brunei (Pulau Muara Besar) yang menyumbang kepada peningkatan KDNK iaitu pada tahun 2020, subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia telah menyumbang sebanyak 5.5% daripada keseluruhan KDNK Negara Brunei Darussalam.
3. Projek menaik taraf Jalan Perindustrian Serasa, menuju ke Jambatan Pulau Muara Besar untuk memudahkan aksesibiliti kepada perindustrian di Pulau Muara Besar dan menjana *spin off* aktiviti-aktiviti di Kompleks Pendaratan Ikan, industri pemprosesan dan penyelidikan yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan.;
4. Projek Industri Ternakan Udang yang telah beroperasi di tapak Industri Ternakan Udang, Kampung Keramat, Telisai yang

dianggarkan menyumbang kepada peningkatan dari segi penghasilan ternakan udang.;

5. Projek Sekolah Persediaan Arab Ugama di Kampung Rimba telah mula digunakan pada 13 Januari 2020 dan dapat menampung kira-kira 1,800 pelajar bagi Tahun 5 hingga Tahun 11.;
6. Projek *Establishment of Certified BSL3 Laboratories With Supporting BSL2 Laboratories for An Accredited National TB Reference Laboratory (NTRL) and Virology Services* yang diiktiraf dan mematuhi piawaian antarabangsa. Ini akan menyokong Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019 ke 2023 di bawah matlamat strategi 1 dan 3.;
7. Projek Pelan Induk Akademi Pasukan Polis Diraja dengan tujuan meningkatkan tahap pembelajaran secara berterusan bagi Pasukan Polis Diraja Brunei.;
- dan
8. 3 buah projek pengukuhan sistem rangkaian elektrik dan pembekalan kawat voltan tinggi di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Belait.

Sementara itu, sebanyak 77 buah projek sedang dalam pelaksanaan antaranya termasuklah projek-projek infrastruktur dan program meningkatkan kemahiran dan kapasiti sumber tenaga manusia seperti, berikut:

1. Projek-projek Infrastruktur Pendidikan seperti pembinaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan pembinaan Sekolah Menengah Hassan Bangar.;
2. Projek-projek Pertanian dan Agrimakanan dan Perikanan seperti:
 - Membina Skim Pengairan Tambahan bagi kawasan penanaman padi di seluruh Daerah Brunei dan Muara dihasratkan akan mendukung pengeluaran hasil beras.
 - Peningkatan keluaran sayur menggunakan teknologi tinggi bagi menjana KDNK termasuk pembekalan elektrik di Taman Agroteknologi Tungku dan Kampung Batumpu.;
 - Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi menjana pengeluaran termasuk pembekalan elektrik di kawasan Kemajuan Pertanian Merangking Fasa 1, Daerah Belait dan Makmal Program Pusat Penyelidikan, Penganalisaan dan rujukan bagi Penyakit Ternakan.;
 - Memajukan dan membuka tapak-tapak bagi Industri Akuakultur termasuk kerja-kerja menyediakan kemudahan asas bagi tapak akuakultur Sungai Mangsalut, Kampung Tanah Jambu, Sungai Paku dan Kampung Rampayoh.;
 - dan

- Program meningkatkan pengeluaran industri Akuakultur termasuk meningkatkan sistem pengairan di kawasan ternakan udang di Pengkalan Sibabau, Zon 2 Kampung Mentiri.;
3. Projek-projek pembekalan elektrik di bawah Kementerian Tenaga yang majoriti projek adalah bagi pengukuhan sistem rangkaian elektrik dan juga Projek Pengurusan Aset dan Inventori Bekalan Elektrik, termasuk pengurusan kawalan Rangkaian, Pengawasan Kawalan dan Sistem Perolehan Data.; dan
 4. Projek pembekalan air pengaliran air dan pembedungan termasuk projek membina Kolam Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1 dan Projek Menaik Taraf Sungai Utama dan Anak-Anak Sungai serta Projek Kawalan Pesisir Sepanjang Pantai Kampung Danau.

Manakala, 82 projek yang masih dalam pelbagai peringkat rancangan tawaran dan reka bentuk, termasuk Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Membaik pulih dan menaik taraf Bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran Kota Batu. Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu Fasa 7 dan Menaik Taraf Infrastruktur Rangkaian Sekolah Kerajaan.

Sebanyak 10 buah projek yang telah dibatalkan mengambil kira bahawa sebanyak 7 buah projek dilaksanakan melalui pembiayaan *alternative financing* dan 3 buah projek tidak diperlukan lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, sebagaimana yang kaola terangkan semasa pembentangan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2021/2022 tempoh hari. Jumlah peruntukan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 disediakan sejumlah \$600 juta. Pembahagian peruntukan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 seperti yang berikut:

1. Sejumlah \$242.6 juta disediakan untuk projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan.;
2. Sejumlah \$158.5 juta disediakan untuk projek-projek dalam peringkat tawaran.;
3. Sejumlah \$170.2 juta disediakan untuk projek-projek yang masih dalam peringkat reka bentuk dan dalam perancangan.;
4. Sejumlah \$28.7 juta disediakan untuk membayar tuntutan *penultimate payment; Retention Money* dan sebagainya, khususnya bagi projek-projek yang telah siap.;

Yang Berhormat Pengerusi, kaola seterusnya mengongsikan pecahan peruntukan \$600 juta tersebut mengikut sektor seperti berikut.;

1. Sektor Pengangkutan dan Perhubungan disediakan peruntukan sebanyak \$76 juta.;
2. Sektor Perkhidmatan Sosial disediakan peruntukan sebanyak \$168.0 juta.;

3. Sektor Penggunaan Awam disediakan peruntukan sebanyak \$166.0 juta,;
 4. Sektor Pembangunan Modal Insan disediakan peruntukan sebanyak \$58.0 juta.;
 5. Sektor Rampaian termasuk untuk membiayai perbelanjaan projek-projek yang sudah siap tetapi mempunyai tanggungan disediakan peruntukan sebanyak \$11.0 juta.;
 5. Sektor Perindustrian dan Perdagangan disediakan peruntukan sebanyak \$53.0 juta.;
 13. Sektor Teknologi dan Info-Komunikasi disediakan peruntukan sebanyak \$30.0 juta.;
 14. Sektor Bangunan Awam disediakan peruntukan sebanyak \$17.0 juta.;
 15. Sektor Sains & Teknologi, Penyelidikan & Pembangunan dan Inovasi disediakan peruntukan sebanyak \$12.0 juta.; dan
 16. Sektor Keselamatan disediakan peruntukan sebanyak \$9.0 juta.
- Yang Berhormat Pengerusi, إِنَّ شَاءَ اللهُ Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan meneruskan perbincangan dengan kementerian-kementerian melalui Jawatankuasa Kerja (JKK) Rancangan Kemajuan Negara bagi memastikan pelaksanaan projek adalah sebagaimana yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Pengerusi, sekianlah yang dapat kaola kongsi sebagai

menyampaikan mukadimah dalam pembentangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara yang Kesebelas (RKN II) bagi Tahun Kewangan 2021/2022.

إِنَّ شَاءَ اللهُ apa jua persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek kemajuan ini kaola yakin rakan-rakan sejawatan kaola sudah setentunya akan dapat memberikan penjelasan lanjut, selaku agensi-agensi pelaksana projek-projek kementerian masing-masing. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas huraian yang menjelaskan dengan terperinci tentang penyediaan Belanjawan Kemajuan secara keseluruhannya. Saya kira oleh sebab saya juga mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membincangkan soal ini maka ada baiknya kalau sekiranya Persidangan Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Sebelum saya menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini, saya ingin menyatakan bahawa

saya telah pun difahamkan ada lima orang Ahli Yang Berhormat (*Ex-Officio*) iaitu Menteri-Menteri Kabinet dan lima orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah memberikan makluman awal untuk tidak dapat hadir pada sebelah pagi esok kerana ada tugas rasmi yang harus dilaksanakan oleh mereka, maka menurut Fasal 44 (2) daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 Pindaan iaitu "Jika kurang satu pertiga dari jumlah ahli-ahli yang hadir selain daripada ahli yang mempengerusikan, persidangan itu hendaklah ditangguhkan."

Walau bagaimanapun, selepas menerima maklumat kehadiran bahawa bilangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dapat hadir pada sebelah pagi esok melebihi daripada 1/3 dari 34 Ahli Majlis Mesyuarat Negara, maka saya mengambil keputusan, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini akan kita sambung pada esok hari iaitu Khamis, 25 Mac 2021 seperti biasa mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)